

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	25 JULY 2016

Kredibiliti Najib tak pernah tergugat

BH-25/7/2016

Mungkin disebabkan sifat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang kelihatan tenang dan tidak tergugat langsung dengan serangan demi serangan yang dilakukan oleh pelbagai pihak berhubung isu 1MDB, menyebabkan ramai kagum dengan cara beliau mengendalikan isu ini.

Bahkan jika dilihat dari awal lagi, Najib kelihatan begitu konsisten apabila diasak pelbagai isu yang begitu jelas mempunyai agenda untuk menjatuhkan beliau.

Diam-diam ubi berisi dan itu-lah yang diamalkan oleh Najib dan bukannya seperti tin kosong yang hanya pandai buat bising, tetapi tidak memberi sebarang kebaikan dan faedah. Bagi Najib, tidak perlu untuk menjawab pelbagai dakwaan dan tohmahan ini.

Apa yang lebih penting ialah memastikan setiap strategi yang diatur dapat memberikan kesejahteraan dan pembangunan kepada rakyat Malaysia. Kepemimpinan Najib mahu memastikan isu yang sengaja direka dan dibesar-besarkan ini tidak mengganggu matlamat yang lebih utama.

Mungkin apa yang dilakukan

oleh Najib ialah disebabkan pengalaman yang diperolehnya selepas lebih 40 tahun dalam dunia politik yang menjadikan beliau sebagai pemimpin yang matang menghadapi pelbagai isu.

Selama itu juga Najib melihat sepak terajang dalam permainan politik yang beliau sudah tahu selok-belok mengenai apa yang perlu dilakukan untuk terus berjuang.

Najib tidak pernah 'melatah' dan mungkin tidak keterlaluan jika dikatakan yang beliau adalah Perdana Menteri dan pemimpin yang mampu uruskan isu pentadbiran serta politik dengan terurus dan terancang.

Tidak semua pemimpin boleh menerima serangan khususnya daripada media asing dan masih mampu tadbir negara dengan terus beri komitmen tidak berbelah bahagi.

Sungguhpun begitu, jangan dianggap air tenang tiada gelombang. Najib berupaya 'turun padang' demi mempertahankan perjuangannya yang mahu negara ini terus membangun dan rakyatnya pula menjalani kehidupan lebih baik.

Inilah agenda utama Najib dan beliau akan lakukan apa sahaja

untuk memastikan agenda ini tercapai.

Semangat tak pudar

Kita dapat lihat sendiri bagaimana semangatnya tidak pernah pudar, walaupun dikritik hebat bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang nampaknya sudah tidak menoleh ke belakang lagi untuk terus mengkritik Najib.

Sekali lagi Najib kelihatan tenang dan kini rakyat dapat menilai sendiri agenda Dr Mahathir yang kelihatan begitu peribadi dan tidak akan beri apa-apa faedah kepada rakyat Malaysia.

Setiap hari ada sahaja laungan dan tohmahan dilemparkan, tetapi bagi Najib, lebih baik dia laksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai Perdana Menteri daripada membuang masa jawab setiap tohmahan yang tidak ada hujungnya.

Setiap penjelasan yang diterangkan oleh Najib tidak mungkin diterima dan lebih baik Najib dan semua menteri mengembleng tenaga untuk terus berkhidmat kepada rakyat.

Dengan berbekalkan semangat seperti ini, rakyat dapat lihat dengan jelas bagaimana Najib terus berdiri teguh dan tidak goyah wa-

laupun angin ribut terus melanda.

Apatah lagi Najib terus dibantu dan disokong bukan sahaja oleh orang kuatnya seperti Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Hishamuddin Hussein, tetapi juga oleh majoriti rakyat Malaysia yang semakin yakin dengan kepemimpinan Najib.

Bukan gadai maruah

Mereka mahu pemimpin cepat bertindak dan bukannya yang sanggup menggadai maruah dan kedaulatan negara semata-mata mengejar populariti dan agenda peribadi.

Baru-baru ini Najib sudah menyambut ulang tahun ke-63. Penulis tidak tahu apakah yang diminta oleh Najib.

Namun penulis pasti yang Najib tidak akan sekali-kali tunduk kepada mana-mana serangan jahat yang cuba menjatuhkan beliau, tidak kira dari dalam ataupun media asing yang tidak habis-habis cuba memburukkan nama beliau.

Najib tidak keseorangan dalam hal ini dan inilah masanya rakyat Malaysia bangkit dan menunjukkan sokongan tidak berbelah bahagi kepada pemimpin yang akan terus membawa Malaysia maju.

Komentar



Shahbudin Embun

Ahli Jawatankuasa Pemandu
Majlis Perundingan
Melayu Malaysia



Mereka mahu pemimpin cepat bertindak dan bukannya yang sanggup menggadai maruah dan kedaulatan negara semata-mata mengejar populariti dan agenda peribadi"